

NILAI

Tubuh Tabung Ehsan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menubuhkan Tabung Ehsan Universiti yang menyediakan bantuan dermasiswa RM1,000 serta biasiswa untuk membantu pelajar kurang berkemampuan membayar yuran pengajian.

Naib Canselornya, Prof Dr Abdul Shukor Husin, berkata dermasiswa diberikan kepada pelajar kurang berkemampuan tanpa bayaran balik, manakala biasiswa kepada pelajar yang tidak mendapat pinjaman penaja.

"Tabung ini membantu memperingkatkan pembangunan insan dan pendidikan selaras visi USIM untuk memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan berteraskan Islam yang mampu memberi manfaat serta sumbangan kepada masyarakat," katanya di sini, semalam.